





**PELAN STRATEGIK
MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI KEDAH
2021-2025**



Cetakan Pertama 2021

Majlis Agama Islam Negeri Kedah.

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan didalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Majlis Agama Islam Negeri Kedah.



KANDUNGAN

PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH KATA ALUAN SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

Bab 1	11
Pendahuluan	
Sejarah MAIK	
Visi & Misi	
Objektif	
Peranan & Tanggungjawab	
Motto	
Nilai Bersama	
Punca Kuasa	
Pihak-Pihak Berkepentingan & Pelanggan	
Carta Organisasi MAIK	
Pembentukan Pelan Strategik MAIK	
Bab 2	29
Analisis Persekitaran Dalam Maik	
Bab 3	35
Strategik Pelaksanaan MAIK 2021-2025	
Kerangka Pelan Strategik MAIK 2021-2025	
Teras Strategik & Pelan Tindakan	
Bab 4	65
Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian	
Pelaksanaan	
Pemantauan	
Penilaian	
Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan, Penilaian & Kajian Semula	
Rentas Masa Pelaksanaan, Pemantauan, Penilaian & Kajian Semula	
Bab 5	71
Penutup	
Bab 6	75
Galeri	



PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Kedah Merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (MAIK)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah, segala puji dan pujian ke hadirat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya, Pelan Strategik Majlis Agama Islam Negeri Kedah 2021-2025 dapat dihasilkan dengan jayanya. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak terlibat yang bersama-sama menyumbang idea dalam menghasilkan Pelan Strategik MAIK 2021-2025 ini.

Sebuah organisasi yang dinamik perlu sentiasa berubah-ubah dan terus bergerak maju ke hadapan dalam arus pemodenan abad ke-21 dan ledakan Industry Revolution 4.0 (IR 4.0). Maka, MAIK perlu sentiasa kekal sebagai satu institusi yang relevan dalam memenuhi keperluan semasa, mencakupi keadaan persekitaran, ekonomi dan sosial serta norma baharu dalam masyarakat setempat dengan memberikan perkhidmatan yang bertepatan dan memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (stakeholders). Sebagai sebuah organisasi yang dipertanggungjawabkan membuat dasar-dasar yang berkaitan dengan pengurusan hal ehwal agama Islam di Negeri

Kedah, maka pelan strategik ini penting dalam menentukan hala tuju MAIK.

MAIK akan terus dan sentiasa menjadi satu badan penasihat agama Islam yang tertinggi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Ia dapat direalisasikan melalui pelaksanaan pelan strategik ini dengan berpandukan kepada lima (5) Teras Strategik utama, iaitu mempertingkatkan kualiti struktur organisasi dan tadbir urus serta penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, memantapkan peranan Baitulmal sebagai institusi penggerak sosial ekonomi, memperkasakan wakaf sebagai instrumen pembangunan ekonomi dan sosial, memperkasakan penguatkuasaan undang-undang hal ehwal agama Islam dan membudayakan penyelidikan bagi kesejahteraan ummah.

Besarliah harapan saya agar seluruh kakitangan MAIK dapat menghayati sepenuhnya hala tuju Pelan Strategik MAIK 2021-2025 dan menterjemahkannya dengan bersama-sama merealisasikan pelan tindakan yang telah ditetapkan.

Semoga segala usaha yang dijalankan akan diberkati Allah S.W.T hendak-Nya.

Sekian, terima kasih.



Duli Yang Teramat Mulia
Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin
Raja Muda Kedah
Merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam
Negeri Kedah Darul Aman



KATA ALUAN SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah, saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (MAIK) telah berjaya menghasilkan dokumen Pelan Strategik MAIK bagi tempoh masa 2021-2025.

Dokumen ini akan dijadikan rujukan utama dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada warga kerja MAIK. Pelaksanaan pelan strategik merupakan satu kaedah berkesan dan berdaya saing dalam menyediakan hala tuju yang jelas dalam pentadbiran MAIK. Perancangan pelan strategik ini mendokong Visi, Misi dan Objektif MAIK serta mencakupi setiap aspek yang terlibat dalam proses kerja agar dapat difahami dan dijadikan panduan oleh semua warga kerja MAIK. Peranan serta fungsi semua Bahagian di MAIK akan digerakkan secara bersepadu dalam satu pasukan yang lebih berintegriti, responsif, profesional dan

inovatif, selaras dengan nilai bersama yang telah ditetapkan.

Saya amat mengharapkan warga kerja MAIK dapat mengambil tindakan yang proaktif ke arah merealisasikan segala apa yang telah dirancang dan dibukukan di dalam Pelan Strategik MAIK 2021-2025 ini dalam usaha MAIK menuju ke arah kecemerlangan. Semoga segala perancangan diiringi dengan doa dan diikuti dengan perlaksanaan, InsyaAllah kita akan terus mencapai kejayaan.

Akhir kata, sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan pembangunan Pelan Strategik MAIK 2021-2025.

Sekian, terima kasih.



Haji Mohd Yusri Bin Haji Md Daud
Setiausaha Majlis Agama Islam
Negeri Kedah Darul Aman



BAB 1


PENDAHULUAN


SEJARAH MAIK

Kedah adalah sebuah negeri tertua di Malaysia dan merupakan negeri yang terawal mengamalkan sistem pemerintahan Islam. Sistem pemerintahan ini telah diperkenalkan oleh Sultan Kedah pertama yang memeluk agama Islam dan mula mengamalkan hukum Islam di dalam pemerintahan negeri, iaitu Sultan Al Muzaffar Shah I (1136-1179). Di bawah sistem pemerintahan ini, Sultan menjadi ketua kerajaan dan ketua agama Islam. Pada zaman tersebut, alim ulama dilantik menjadi penasihat hal ehwal agama Islam dan mereka digelar sebagai Guru Sultan.

Peranan Guru Sultan ditambah baik ketika pemerintahan Kebawah Duli Sultan Kedah yang ke-24, iaitu Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah I (1854-1879) dengan membahagikan peranan Guru Sultan kepada tiga bahagian utama, iaitu Mufti, Kadi dan Imam. Kemudian, ketika pemerintahan Paduka Sri Sultan Abdul Hamid Halim Shah Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1881-1943), iaitu Sultan Kedah yang ke-26, peranan tiga bahagian ini telah digabungkan di bawah satu institusi agama khas yang diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan negeri dan dinamakan sebagai Pejabat Agama Negeri Kedah. Pejabat Agama Negeri Kedah tersebut berperanan dalam urusan hal ehwal Islam negeri Kedah secara amnya dan khusus kepada urusan nikah dan cerai. Ia diketuai oleh seorang Syeikhul Islam yang dilantik oleh Sultan.

Struktur dan fungsi Pejabat Agama Negeri Kedah diperkemaskan lagi ketika di bawah pemerintahan Ke Bawah Duli Tuanku Sultan Kedah yang ke-27, iaitu Sultan Sir Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah








(1943-1958) pada tahun 1952. Pejabat Agama Negeri Kedah tersebut telah dinamakan semula sebagai Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu. Struktur organisasi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu tersebut dianggotai oleh seorang ketua yang digelar Yang Di Pertua, seorang Setiausaha dan 22 orang ahli yang terdiri daripada 11 orang alim ulama Negeri dan 11 orang pegawai adat istiadat Melayu.

Ketika di bawah pemerintahan Al-Sultan Al-Mu'tassimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah (1958-2017), iaitu Sultan Kedah yang ke-28, Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah ditubuhkan bagi menggantikan peranan Majlis Agama Islam Negeri dan Adat Istiadat Melayu. Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah dibuat pada 4 April 1963, bersamaan 11 Zulkaedah 1382 melalui penguatkuasaan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam - Undang-Undang Negeri Kedah No.9 Tahun 1962. Kemudian, Majlis Agama Islam Negeri Kedah ini telah diisytiharkan sebagai sebuah institusi rasmi yang menjaga hal ehwal agama Islam di negeri Kedah pada tahun 2008 di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008. Pembaharuan yang telah dibuat pada tahun 2008 ialah perlantikan jawatan Yang Dipertua Majlis bukan lagi daripada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK), sebaliknya dilantik terus oleh Sultan Kedah yang memerintah. Sejak itu, nama Majlis Agama Islam Negeri Kedah atau dengan nama singkatannya MAIK telah digunakan sehingga kini.



UI SI & MI SI

UI SI

MENJADI INSTITUSI
PEMBUAT DASAR
HAL EHWAL AGAMA
ISLAM YANG
UNGGUL DAN
BERWIBAWA

MI SI

MEMPERKASAKAN
TADBIR URUS HAL
EHWAL AGAMA
ISLAM DEMI
KESEJAHTERAAN
UMMAH

OBJEKTIF

Terdapat enam (6) objektif MAIK seperti berikut:

- 01 | **MEMPERTINGKATKAN KUALITI TADBIR URUS PENGURUSAN.**
- 02 | **MEMANTAPKAN PERANAN BAITULMAL SEBAGAI INSTITUSI PENGGERAK SOSIAL DAN EKONOMI UMAT ISLAM.**
- 03 | **MEMPERKASAKAN WAKAF SEBAGAI INSTRUMEN PEMBANGUNAN EKONOMI SOSIAL UMAT ISLAM.**
- 04 | **MEMPERKASAKAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG HAL EHWAL AGAMA ISLAM.**
- 05 | **MEMPERKUKUHKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI TERKINI.**
- 06 | **MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN BAGI KESEJAHTERAAN UMMAH.**

PERANAN & TANGGUNGJAWAB

Seksyen 5 (1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 telah memperuntukkan institusi MAIK sebagai satu perbadanan yang boleh diubah suai bagi memenuhi keperluan semasa atau seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. berperanan sebagai satu badan penasihat agama Islam yang tertinggi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Tanggungjawab yang sama juga diperuntukkan di dalam perlembagaan negeri Kedah, di bawah perkara 33 B (1) dan (2), iaitu untuk menolong dan memberi nasihat secara berterusan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah selaku Ketua agama Islam (Ahli Sunnah Wal Jamaah) di negeri Kedah Darul Aman. Enakmen ini memperuntukkan empat (4) fungsi utama MAIK iaitu:

- a. Membuat dasar-dasar berhubung dengan pentadbiran hal ehwal agama Islam di negeri Kedah dan memastikan dasar-dasar tersebut dan keputusan-keputusan Majlis dilaksanakan sepenuhnya.
- b. Membantu mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di negeri Kedah selaras dengan hukum syarak.
- c. Berperanan sebagai pemegang amanah ke atas orang-orang dan harta benda umat Islam di negeri Kedah dan menguruskannya dengan berlandaskan hukum syarak.
- d. Bertanggungjawab memastikan pengurusan hal ehwal agama Islam terus dipertingkatkan mengikut perkembangan semasa.

Empat (4) Peranan Utama MAIK:

01

MEMBUAT DASAR-DASAR BERHUBUNG DENGAN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM DI NEGERI KEDAH.



02

MEMBANTU MENGUSAHAKAN KEMAJUAN DAN KESEJAHTERAAN EKONOMI DAN SOSIAL MASYARAKAT ISLAM DI NEGERI KEDAH SELARAS DENGAN HUKUM SYARAK.



03

PEMEGANG AMANAH KE ATAS ORANG-ORANG DAN HARTA BENDA UMAT ISLAM DI NEGERI KEDAH DAN MENGURUSKANNYA DENGAN BERLANDASKAN HUKUM SYARAK.



04

MEMPERTINGKATKAN KUALITI TADBIR URUS PENGURUSAN.



Bagi fungsi (b), pengoperasian MAIK telah dibahagikan kepada dua fokus utama, iaitu kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial umat Islam. Kemajuan dan kesejahteraan ekonomi merangkumi pelbagai aktiviti dalam sektor perusahaan komersial dan perindustrian,

seperti mewujudkan dan melaksanakan peluang perniagaan, pelaburan serta menggalakkan kolaborasi dan kerjasama dengan pihak yang berpotensi untuk dijadikan rakan strategik. Manakala, bagi kemajuan dan kesejahteraan sosial pula, aktiviti MAIK tertumpu kepada

penubuhan dan penyenggaraan Sekolah Islam, Institusi Latihan dan Pendidikan Islam. Selain itu juga, MAIK berhasrat menjadi institusi yang menyediakan skim pinjaman bagi pendidikan tinggi di bawah fungsi Baitulmal.

KOMERSIAL DAN PERINDUSTRIAN


MERANGKUMI PELBAGAI AKTIVITI DALAM SEKTOR PERUSAHAAN KOMERSIAL DAN PERINDUSTRIAN.

PERNIAGAAN & PELABURAN

MEWUJUDKAN DAN MELAKSANAKAN PELUANG PERNIAGAAN DAN PELABURAN.

KOLABORASI

KERJASAMA DENGAN PIHAK YANG BERPOTENSI UNTUK DIJADIKAN RAKAN STRATEGIK.



PENDIDIKAN

PENUBUHAN DAN PENYENGGAARAAN SEKOLAH ISLAM, INSTITUSI LATIHAN DAN PENDIDIKAN ISLAM.

BANTUAN

BANTUAN KEBAJIKAN DAN INSTITUSI KEAGAMAAN.

KEWANGAN

MENYEDIAKAN SKIM PINJAMAN BAGI PENDIDIKAN TINGGI DI BAWAH FUNGSI BAITULMAL.

Pernyataan tanggungjawab MAIK ke atas kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial umat Islam ini telah termaktub di dalam subseksyen 7 (1) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008, iaitu “maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam negeri Kedah Darul Aman selaras dengan Hukum Syarak”. Penerangan secara terperinci, MAIK hendaklah mempunyai kuasa, bagi maksud menunaikan kewajibannya di bawah subseksyen (1) untuk:

- a. Menjalankan segala aktiviti, yang tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak dibenarkan oleh agama Islam, khususnya memajukan perusahaan komersial dan perindustrian, yang perjalanannya ternyata kepada Majlis adalah perlu, berfaedah atau menyenangkan bagi atau berkaitan dengan penunaian kewajipan yang sedemikian, termasuklah membuat, memasang, memproses, membungkus, mengged dan memasarkan keluaran.
- b. Menggalakkan penjalanan apa-apa kegiatan sedemikian oleh badan-badan atau orang lain, dan bagi maksud itu untuk menubuhkan atau memperkembang, atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan badan-badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa oleh MAIK atau secara bebas, dan untuk memberikan bantuan kepada badan-badan atau orang lain yang ternyata kepada MAIK mempunyai kemudahan untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sedemikian, termasuklah pemberian bantuan kewangan dengan cara pinjaman atau selainnya.
- c. Menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian bersama badan-badan atau orang-orang lain, termasuklah jabatan atau pihak berkuasa kerajaan persekutuan atau pihak berkuasa mana-mana negeri, atau sebagai ejen pengurus atau selainnya bagi pihak Kerajaan Negeri.
- d. Melabur dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan, sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208), dan melupuskan pelaburan itu atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Majlis.
- e. Menubuhkan apa-apa skim bagi pemberian pinjaman daripada Baitulmal kepada individu beragama Islam bagi pendidikan tinggi.
- f. Menubuhkan dan menyenggarakan sekolah-sekolah Islam dan institusi-institusi latihan dan penyelidikan Islam.
- g. Menubuhkan, mengurus dan mengawal rumah-rumah kebajikan untuk anak yatim.
- h. Melakukan segala perbuatan yang difikirkan oleh MAIK adalah dikehendaki atau suai manfaat.

MOTTO & NILAI BERSAMA

“MAIK CEMERLANG - UMMAH SEJAHTERA”



PUNCA KUASA

Punca kuasa perundangan yang membawa kepada penubuhan MAIK termaktub di dalam Subseksyen 4 (1) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008, iaitu, "Maka hendaklah ada satu badan bernama "Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman" untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan Agama Islam."

Senarai perundangan, meliputi Enakmen, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan yang berkaitan dengan pengurusan dan pengoperasian MAIK adalah seperti berikut:

ENAKMEN

- a. Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008
- b. Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008
- c. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
- d. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
- e. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
- f. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
- g. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008
- h. Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (1988)
- i. Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (1988)
- j. Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Borang dan Fi) 2019

KAEDAH-KAEDAH

PERATURAN-PERATURAN

- k. Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid (Kedah Darul Aman) 2020
- l. Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Kariah (Kedah Darul Aman) 2020
- m. Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Kedah Darul Aman) 2016
- n. Pekeliling dan Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
- o. Pekeliling dan Surat Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri Kedah
- p. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Yang Diterima Pakai
- q. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Yang Diterima Pakai

Punca kuasa bagi pentadbiran MAIK adalah seperti berikut:

- a. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan 1980 (Akta 240))
- b. Perintah Am
- c. Arahan Perbendaharaan
- d. Amalan Pengurusan Kewangan dan Akaun

PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN & PELANGGAN

Peranan yang dipertanggungjawabkan kepada MAIK bertujuan memenuhi pelbagai hasrat pemegang taruh (stakeholder) dan pelanggan yang terdiri daripada yang berikut:



PELANGGAN

JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KEDAH

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

AGensi KERAJAAN PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI

BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN NEGERI


INSTITUSI AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

SEKTOR SWASTA

PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

ORANG AWAM

ORGANISASI MAIK




PEMBENTUKAN PELAN STRATEGIK MAIK

Perancangan strategik merupakan salah satu pendekatan pengurusan holistik dan boleh dijadikan alat untuk mencapai kecemerlangan organisasi. Ia berupaya membantu MAIK melihat cabaran, potensi, kekuatan dan kelemahan pengurusan dan pengoperasian MAIK dengan perspektif yang lebih menyeluruh. Ia dilaksanakan melalui proses penetapan halatuju, pengenpastian isu-isu strategik serta penggubalan strategi-strategi ke arah pencapaian objektif MAIK yang disasarkan.

Sebagai sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan menasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam urusan menjaga hal ehwal agama Islam di negeri Kedah, MAIK berperanan besar dalam memastikan kebajikan umat Islam di negeri Kedah terbela, melalui aktiviti yang berupaya membangunkan dan menggerakkan ekonomi serta meningkatkan kualiti sosial umat Islam setempat. Menyedari hakikat peranan utama MAIK ini, pihak pengurusan MAIK perlu bertindak dengan lebih berstrategi dan berinovasi supaya kekal relevan, seiring dengan peredaran masa dan kemunculan evolusi pelbagai.

Sehubungan dengan itu, inisiatif telah diambil oleh pihak pengurusan MAIK untuk merangka Pelan Strategik yang menggariskan perancangan secara terperinci bagi tempoh lima tahun. Usaha ini telah digerakkan seawal penghujung tahun 2019. Pelbagai pihak berkepentingan kepada MAIK telah turut sama membangunkan pelan strategik ini. Hasilnya Pelan Strategik MAIK 2021-2025 telah berjaya dibentuk pada penghujung tahun 2020. Ia akan menjadi panduan utama dalam menilai output, impak dan keberhasilan setiap teras strategik yang hendak dicapai dalam jangka masa lima tahun akan datang.

Mekanisme pembentukan Pelan Strategik MAIK 2021-2025 merangkumi lima asas pembentukan pelan strategik dalam mencapai Misi, Visi dan Objektif MAIK seperti berikut:



5

TAHAP PEMBENTUKAN PELAN STRATEGIK

ANALISIS

- 01** ■ MENGENAL PASTI KEKUATAN, KELEMAHAN, PELUANG DAN ANCAMAN YANG DIHADAPI
- ANALISIS BERASASKAN DATA
- FOKUS UTAMA: PENGURUSAN DAN TADBIR URUS, BAITULMAL, WAKAF, UNDANG-UNDANG, ICT DAN R&D

HALA TUJU

- 02** ■ SESUATU YANG INGIN DICAPAI OLEH MAIK BAGI 5 TAHUN AKAN DATANG (2021-2025)
- TERAS SEHARUSNYA SELARI DENGAN STRUKTUR VISI, MISI DAN OBJEKTIF MAIK
- PENETAPAN BIDANG FOKUS UTAMA @ TERAS

PERANCANGAN

- 03** ■ PERANCANGAN STRATEGIK DIBENTUK; PENYATAAN STRATEGI, PENETAPAN PENANDA ARAS @ INDIKATOR DAN
- PENGenalPASTIAN PENERAJU YANG AKAN MELAKSANAKAN PELAN TINDAKAN

PELAN TINDAKAN

- 04** ■ MELAKSANAKAN AKTIVITI/ PROGRAM YANG TELAH DITETAPKAN DALAM TINDAKAN STRATEGIK BAGI MEMENUHI KEPERLUAN SETIAP TERAS.
- PENERAJU YANG DIPERTANGGUNG-
- JAWAB MERANGKA PELAN TINDAKAN

PEMANTAUAN & SEMAKAN

- 05** ■ PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK AKAN DIPANTAU DAN DIBUAT SEMAKAN BERKALA.
- LAPORAN PENCAPAIAN AKAN
- DISEDIAKAN SECARA BERKALA; BERGANTUNG KEPADA KEPERLUAN PENGURUSAN TERTINGGI MAIK



BAB 2

ANALISIS
PERSEKITARAN
DALAMAN MAIK

ANALISIS PERSEKITARAN DALAMAN MAIK

Sebagai sebuah institusi pengurusan tertinggi hal ehwal agama Islam di negeri Kedah, MAIK perlu bertindak balas terhadap pelbagai isu dan cabaran yang sedang berlaku dan yang dijangka akan berlaku dalam tempoh lima tahun akan datang secara positif, berstrategi dan yakin demi mencapai Visi, Misi dan Objektif MAIK.

Sehubungan dengan itu, setiap Bahagian dan Unit dalam organisasi MAIK dianalisa dari segi isu, masalah dan keperluan. Proses ini amat penting dalam asas pembentukan pelan strategik kerana ia akan digunakan untuk merangka dan menentukan hala tuju yang ingin dicapai oleh MAIK, juga pelaksanaan aktiviti dan program bagi menyelesaikan isu dan masalah yang telah dikenal pasti. Hasil analisa adalah seperti berikut:

30

01



- Struktur sedia ada perlu ditambahbaik dari semasa ke semasa.
- Sistem pemantauan operasi MAIK perlu ditingkatkan.
- Keperluan mewujudkan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif di MAIK.

02



- Kebergantungan sistem ICT secara konsep sewaan daripada sumber luar.
- Keperluan untuk membuat penambahbaikan ke atas sistem ICT selaras dengan perkembangan teknologi terkini.
- Pangkalan data hartanah perlu diperkasakan.

03



- Keperluan kepada pindaan undang-undang lama mengikut keadaan semasa.
- Keperluan mewujudkan peraturan-peraturan selaras dengan peruntukan undang-undang.
- Memperkasakan SOP ke atas setiap proses kerja di MAIK.

04



- Mewujudkan ruang pejabat yang kondusif
- Kakitangan MAIK yang berstatus kontrak perlu diberi lebih peluang untuk meningkatkan kerjaya.

05



- Keperluan kepada penyelidikan dan inovasi bagi penambahbaikan pengoperasian dan pengurusan MAIK.
- Jalinan kerjasama atau kolaborasi yang terhad dengan pihak luar.

06



- Mempelbagaikan jenis bantuan kepada golongan sasar.
- Keperluan perancangan yang terperinci dalam mempergiatkan pembangunan ekonomi dan sosial.

07



- Memperbanyakkan pembangunan ekonomi dan sosial di atas tanah wakaf.
- Keperluan dana bagi tujuan pembangunan hartanah wakaf adalah terhad.
- Pangkalan data hartanah wakaf perlu diperkasakan.
- Prosedur Operasi Standard untuk pembangunan tanah wakaf ditambah baik.





BAB 3

KERANGKA PELAN
STRATEGIK MAIK
2021-2025

MAIK telah mengenal pasti Lima (5) Teras Strategik sebagai petunjuk keberhasilan utama Pelan Strategik MAIK 2021 – 2025 seperti berikut:

Berdasarkan lima Teras Strategik ini, **14 Strategi** telah ditetapkan dalam tempoh 5 tahun akan datang (2021 – 2025) dan **33 Inisiatif** telah ditetapkan untuk dilaksanakan juga **63 Indikator** bagi kegunaan pengukuran penilaian pencapaian setiap Teras yang telah ditetapkan. Ringkasan statistik Kerangka Pelan Strategik MAIK 2021-2025 dipamerkan seperti jadual di bawah.



TADBIR URUS PENGURUSAN

Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus Pengurusan



BAITULMAL

Memantapkan Peranan Baitulmal Sebagai Institusi Penggerak Sosial dan Ekonomi Umat Islam



WAKAF

Memperkasakan Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Ekonomi Sosial Umat Islam




ICT

Memperkukuhkan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Terkini



UNDANG-UNDANG & PENYELIDIKAN

Memperkasakan Penguatkuasaan Undang-undang Hal Ehwal Agama Islam dan Membudayakan Penyelidikan Bagi Kesejahteraan Ummah



Teras Strategik 1	Teras Strategik 2	Teras Strategik 3	Teras Strategik 4	Teras Strategik 5
Mempertingkatkan kualiti tadbir urus pengurusan	Memantapkan peranan Baitulmal sebagai institusi penggerak sosial dan ekonomi umat Islam	Memperkasakan wakaf sebagai instrumen pembangunan ekonomi sosial umat Islam	Memperkuatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi terkini	Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang hal ehwal agama Islam dan membudayakan penyelidikan bagi kesejahteraan ummah
3 Strategi	4 Strategi	3 Strategi	2 Strategi	2 Strategi
<ul style="list-style-type: none"> Mempertingkatkan amalan tadbir urus dan budaya kerja yang baik Memastikan kepatuhan dan kelestarian pengurusan kewangan Memartabatkan Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) sebagai institusi pendidikan saudara baru yang ulung 	<ul style="list-style-type: none"> Mempertingkatkan kualiti pengurusan hartanah Baitulmal Memantapkan peranan Baitulmal dalam menyalurkan bantuan kepada golongan bersasar Meningkatkan pendapatan bagi melaksanakan projek pembangunan ekonomi sosial Mewujudkan pengurusan hibah dan wasiat yang efisien 	<ul style="list-style-type: none"> Mempertingkatkan kualiti pengurusan hartanah wakaf Merancang projek pembangunan berpotensi di atas tanah wakaf Memantapkan pengurusan wakaf tunai sebagai sumber peruntukan 	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan sistem dan pangkalan data yang berpusat Melestarikan kelangsungan operasi ICT 	<ul style="list-style-type: none"> Memantapkan enakmen, peraturan dan kaedah-kaedah secara konsisten Membudayakan penyelidikan yang berkualiti dan berinovasi
10 Inisiatif	7 Inisiatif	5 Inisiatif	6 Inisiatif	5 Inisiatif
13 Indikator	18 Indikator	6 Indikator	20 Indikator	6 Indikator

TERAS STRATEGIK & PELAN TINDAKAN

TERAS 1

MEMPERTINGKATKAN KUALITI TADBIR URUS PENGURUSAN

Dalam mempertingkatkan kualiti sistem tadbir urus pengurusan, MAIK dalam tempoh 5 tahun yang akan datang, akan memberi tumpuan kepada tadbir urus organisasi, penambahbaikan berterusan proses kerja dan ruang kerja kakitangan MAIK. Selain itu, aktiviti pemeraksanaan ini juga tertumpu kepada meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan memartabatkan Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) sebagai institusi pendidikan saudara baru yang ulung. Tiga (3) Strategi Utama telah disenaraikan dalam Teras Strategik 1 seperti berikut:

STRATEGI 1 | MEMPERTINGKATKAN AMALAN TADBIR URUS DAN BUDAYA KERJA YANG BAIK

INISIATIF	INDIKATOR	DEFINISI OPERASI	SASARAN					PENERAJU	PELAN TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025		
1.1 Memperkasakan sistem pengurusan fail	1.1.1 Peratus kemajuan – kod klasifikasi fail	Peratus kemajuan pembangunan kod klasifikasi fail mengikut peraturan Jabatan Arkib Negara pada tahun dinilai. Formula: % Kemajuan = [Bilangan kod siap dibangunkan / Jumlah kod yang akan dibangunkan] x 100%	50%	100%	-	-	-	Bahagian Khidmat Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan carta perbatuan pembangunan kod klasifikasi fail. Sentiasa peka kepada kemajuan kod klasifikasi yang sedang dibangunkan. Memastikan kod yang dibangunkan mengikut peraturan Jabatan Arkib Negara.
1.2 Mengemas kini Standard Operating Procedure (SOP)	1.2.1 Bilangan SOP diwujudkan	Bilangan SOP dibangunkan pada tahun dinilai.	4	6	8	10	12	Semua Bahagian	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan SOP yang masih belum ada bagi proses kerja dalam pengoperasian MAIK. Mengenal pasti SOP yang perlu disemak dan ditambah baik.
	1.2.2 Bilangan semakan semula SOP	Bilangan SOP baru yang dibangunkan disemak pada tahun dinilai.	-	4	6	8	10	Semua Bahagian	

1.3 Meningkatkan kompetensi modal insan	1.3.1 Bilangan aktiviti / program / kursus	<p>Bilangan aktiviti / program / kursus dalaman yang bersifat memberi latihan berimpak tinggi kepada staf pada tahun dinilai.</p> <p>Nota: Berimpak tinggi bermaksud latihan yang dapat memberi pengiktirafan kepada kakitangan dan kerja yang dihasilkan.</p>	3	4	4	4	4	Bahagian Khidmat Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengenal pasti jenis latihan yang sesuai untuk kakitangan. ▪ Mewajibkan semua kakitangan hadir ke aktiviti / program / kursus dalaman yang dianjurkan.
---	--	---	---	---	---	---	---	-----------------------------	---

STRATEGI 2 | MEMASTIKAN KEPATUHAN DAN KELESTARIAN PENGURUSAN KEWANGAN

INISIATIF	INDIKATOR	DEFINISI OPERASI	SASARAN					PENERAJU	PELAN TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025		
1.1 Melaksanakan penjimatan kos pengurusan dan pentadbiran	1.1.1 Peratus penjimatan	Peratusan penjimatan kos pengurusan dan pentadbiran pada tahun dinilai. Formula: % Penjimatan = [Jumlah baki perbelanjaan kod / Jumlah anggaran perbelanjaan kod] x 100%	10%	15%	20%	20%	25%	Semua Bahagian	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan aktiviti penjimatan berlaku ke atas pembelian barang keperluan pejabat. Mengenal pasti mana-mana bil yang boleh dibuat penjimatan. Menggalakkan semua kakitangan mengamalkan penjimatan dalam penggunaan alat tulis dan mana-mana penggunaan yang melibatkan kewangan.
1.2 Menerima pakai Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal Zakat dan Wakaf (PPIBZW)	1.2.1 Peratus pematuhan	Fasa pelaksanaan awal piawaian PPIBZW pada tahun dinilai. Tempoh peralihan piawaian perakaunan Islam (tahun 2025-2027)	Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3	Fasa 4	Fasa 1	Bahagian Kewangan & Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan setiap prosedur kewangan dipatuhi. Memastikan penyediaan Penyata Kewangan MAIK mulai tahun 2021 mematuhi standard piawaian PPIBZW (Nota: Pelaksanaan awal bermula tahun 2021 dan tempoh peralihan adalah sehingga tahun 2025).
1.3 Memastikan peningkatan perolehan dalam pelaburan	1.3.1 Peratus peningkatan	Peratus peningkatan perolehan dalam pelaburan pada tahun dinilai. Formula: % Peningkatan = [Jumlah Hibah yang telah diterima / Jumlah Hibah yang dijangkakan diterima] x 100%	3%	5%	6%	7%	9%	Bahagian Kewangan & Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti skim deposit yang memberi keuntungan. Mengenal pasti dan memilih pelaburan yang mampu memberikan kadar hibah terbaik. Mengenal pasti pelaburan yang menawarkan pulangan yang tinggi.

1.4 Memastikan sifar teguran audit terhadap penyata kewangan tahunan	1.4.1 Bilangan teguran daripada Jabatan Audit Negara	Bilangan teguran audit yang diterima bagi Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember pada tahun dinilai.	5	4	3	2	2	Semua Bahagian	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan amalan pengurusan kewangan dipatuhi. Memastikan setiap teguran telah diambil tindakan.
--	--	--	---	---	---	---	---	----------------	--

STRATEGI 3 | MEMARTABATKAN PUSAT BIMBINGAN ISLAM SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (PUSBA) SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN SAUDARA BARU YANG ULUNG

INISIATIF	INDIKATOR	DEFINISI OPERASI	SASARAN					PENERAJU	PELAN TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025		
1.1. Menyemak semula struktur kurikulum PUSBA	1.1.1 Peratus semakan kurikulum PUSBA	<p>Peratusan semakan matapelajaran yang siap disemak pada tahun dinilai.</p> <p>Nota: Kurikulum ini meliputi mata pelajaran Tauhid, Fiqah, Akhlak, Sirah, Asas Jawi dan Al-Quran.</p> <p>Formula: % Kemajuan = [Bilangan silibus siap disemak / Jumlah silibus yang akan disemak] x 100%</p>	50% (3 mata pelajaran)	100% (3 mata pelajaran)	-	-	-	PUSBA	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan Jawatankuasa Teknikal bagi menyemak semula Silibus PUSBA. Memastikan silibus pembelajaran dinaik taraf mengikut keperluan semasa.

1.2 Memastikan peningkatan prestasi kefahaman pelajar	1.2.1 Peratus pelajar lulus	<p>Peratus pelajar yang lulus dalam peperiksaan akhir pada akhir tahun dinilai.</p> <p>Formula: $\% \text{ Kelulusan} = \left[\frac{\text{bilangan pelajar lulus peperiksaan akhir tahun}}{\text{Bilangan pelajar yang menduduki peperiksaan akhir}} \right] \times 100\%$</p>	50%	60%	70%	80%	90%	PUSBA	<ul style="list-style-type: none"> Memantau kaedah pengajaran guru. Memantau pembelajaran pelajar. Menggalakkan guru untuk berinovasi dalam penyampaian di dalam bilik darjah.
1.3 Memperkenalkan PUSBA kepada masyarakat	1.3.1 Bilangan program - Taklimat	<p>Bilangan program penerangan kepada pihak-pihak berkepentingan kepada PUSBA pada tahun dinilai.</p> <p>Nota: Pihak-pihak berkepentingan merujuk kepada Jabatan kerajaan, masjid dan NGO.</p>	2	4	6	8	10	PUSBA	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan bahan promosi. Memantau proses penyediaan bahan promosi. Menjalin hubungan strategik dengan pihak yang berpotensi mempromosi PUSBA. Mengadakan kolaborasi dengan pihak luar. Menyediakan aktiviti yang dirasakan sesuai bersama pihak berkepentingan.
	1.3.2 Bilangan program - Promosi	<p>Bilangan promosi yang dilaksanakan pada tahun dinilai.</p> <p>Nota: Promosi dilaksanakan dalam pelbagai medium seperti media cetak, media sosial dan lain-lain.</p>	3	4	5	6	7	PUSBA	
	1.3.3 Bilangan program - Kolaborasi	<p>Bilangan kerjasama dengan agensi luar yang mampu menaik taraf imej PUSBA pada tahun dinilai.</p>	2	4	6	8	10	PUSBA	

TERAS 2

MEMANTAPKAN PERANAN BAITULMAL SEBAGAI INSTITUSI PENGGERAK EKONOMI DAN SOSIAL UMAT ISLAM

Untuk memantapkan peranan Baitulmal sebagai sebuah institusi yang berupaya menggerakkan ekonomi dan sosial umat Islam setempat, MAIK dalam tempoh 5 tahun yang akan datang, akan memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti pengurusan hartanah Baitulmal dan pemantapan aktiviti bantuan kepada golongan bersasar. Selain itu, tumpuan juga akan diberikan kepada peningkatan pendapatan bagi melaksanakan pembangunan projek ekonomi sosial dan pemantapan pengurusan Hibah dan Wasiat. Empat (4) Strategi Utama telah disenaraikan dalam Teras Strategik 2 seperti berikut:

STRATEGI 1 | MEMPERTINGKATKAN KUALITI PENGURUSAN HARTANAH BAITULMAL

INISIATIF	INDIKATOR	DEFINISI OPERASI	SASARAN					PENERAJU	PELAN TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025		
1.1 Menaiktaraf pengurusan data hartanah	1.1.1 Peratus pemurnian fail dan kemasukan data	Peratus kemajuan pemurnian fail dan kemasukan data pada tahun dinilai. Formula: % Kemajuan = [Jumlah fail yang telah siap dimasukkan ke dalam sistem / Jumlah fail] x 100%	50%	100%	-	-	-	Bahagian Baitulmal	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan kakitangan melaksanakan proses kemasukan data mengikut jadual yang telah ditetapkan. Mengumpulkan maklumat yang tercicir.
1.2 Memantapkan pengurusan jual beli hartanah	1.2.1 Jumlah pembelian balik hartanah	Jumlah pembelian balik hartanah pada tahun dinilai.	50	70	100	120	150	Bahagian Baitulmal dan Bahagian Kewangan & Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan pembeli menerima surat tawaran daripada MAIK. Memastikan pembeli membeli semula hartanah dalam tempoh enam bulan.

STRATEGI 2 | MEMANTAPKAN PERANAN BAITULMAL DALAM MENYALURKAN BANTUAN KEPADA GOLONGAN BERSASAR

INISIATIF	INDIKATOR	DEFINISI OPERASI	SASARAN					PENERAJU	PELAN TINDAKAN
			2021	2022	2023	2024	2025		
